

HPTP mula operasi tahun depan

Merangkumi Bandar Baharu Universiti Pagoh yang dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur, sosial

MUAR - Hub Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) yang sudah siap 70 peratus pembinaannya dijangka memulakan operasi pertamanya pertengahan tahun depan iaitu setahun lebih awal daripada yang dirancang pada 2017.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kemajuan itu satu perkembangan positif kerana projek tersebut boleh disiapkan dalam tempoh lebih awal seperti yang dijadualkan.

"Pembangunan besar akan dilakukan di sini (HPTP) yang merangkumi Bandar Baharu Universiti Pagoh yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur dan sosial.

"Sistem pengangkutan awam, kemudahan balai polis, pusat kesihatan dan lain-lain kemudahan akan dipertingkatkan dan mampu memberi manfaat kepada penduduk yang tinggal berhampiran,"

katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Taklimat Pelan Pembangunan Parlimen Pagoh oleh Pegawai Daerah Muar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar di Kompleks Sri Pekembar di sini, semalam.

"Sebuah stesen bagi Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Malaysia-Singapura akan dibina dalam kawasan HPTP tidak lama yang memberikan satu nilai tambahan kepada hub tersebut.

"**S u r u h a n j a y a** Pengangkutan Awam Darat (Spad) pada dasarnya bersetuju laluan HSR dibuat dalam kawasan HPTP," katanya.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan menyaksikan Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) anak-anak syarikat dan yayasan universiti bersama Tunas Selatan Construction Sdn Bhd, selain penyampaian su-



Muhyiddin (belakang, tengah) menyaksikan Majlis MoU Pembangunan Kolej Kediaman Pelajar HPTP antara Tunas Selatan Construction Sdn Bhd dengan UTHM, UTM, UAIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

rat niat KPM kepada UTM Holdings Sdn Bhd bagi projek Makmal dan Peralatan Sub-Critical Water Reactor-Waste Management Solution (SCW-WMS) di HPTP.

Beliau ketika berucap berkata, kemasukan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTs) dan IPT dari luar negara untuk melabur dan membuka kampus cawangan di HPTP akan menjadikan kawasan itu sebagai pusat pendidikan tinggi

bertaraf dunia.

"Usaha ini dimulakan dengan membawa Imperial College London iaitu universiti yang menduduki ranking kedua dalam senarai universiti terbaik dunia untuk menubuhkan Makmal automatik termaju dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di HPTP.

"Kita masih lagi dalam usaha untuk menarik minat beberapa universiti luar nega-

ra lain untuk membuka kampus di sini (HPTP) dan ada sesetengah dalam peringkat perbincangan," katanya.

Tambahnya, beliau turut menyokong hasrat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk menubuhkan sekolah antarabangsa sebagai daya tarikan untuk pelajar dan Profesor antarabangsa ke Pagoh.

"Saya yakin pembinaan projek Makmal dan peralatan

sub-critical water reactor-antara pihak UTM dan Malaysia-Jepun International Institute of Technology (MJIT) akan menjadikan HPTP sebagai pusat memajukan teknologi hijau yang terkemuka.

"Kolej kediaman pelajar itu menyediakan tempat kepada 7,000 penuntut dengan kos RM300 juta menggunakan pakai model Usahasama Swasta dan Awam yang diubah suai pihak pemaju," katanya.